



KENYATAAN MEDIA

YAYASAN WAQAF MALAYSIA RAIH CAMBRIDGE EXCELLENCE AWARD FOR WAQF FUND MANAGEMENT IN MALAYSIA 2026

*Pengiktirafan Antarabangsa Perkukuh Kedudukan Malaysia sebagai Model
Pengurusan Wakaf Terbaik di Malaysia*

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) sekali lagi melakar sejarah apabila dinobatkan sebagai penerima Cambridge Excellence Award for Waqf Fund Management in Malaysia 2026 pada 9 Februari 2026 di InterContinental Hotel, Jeddah, Arab Saudi.

Pengiktirafan antarabangsa ini adalah atas kecemerlangan Malaysia dalam membangunkan sistem pengurusan dana wakaf yang profesional, telus dan berdaya saing dalam landskap pengurusan kekayaan Islam global. Ia mencerminkan kematangan institusi wakaf negara dalam menggabungkan prinsip Syariah dengan amalan tadbir urus dan pengurusan kewangan bertaraf antarabangsa.

Anugerah ini bukan sekadar pencapaian institusi, malah merupakan pengiktirafan terhadap keseluruhan ekosistem Wakaf Malaysia yang telah melalui transformasi strategik ke arah model pengurusan dana yang berasaskan prestasi, kemampunan dan impak jangka panjang.

Kejayaan ini selari dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan pembangunan berteraskan nilai, kesejahteraan sosial dan kemampunan. Dalam kerangka tersebut, wakaf berperanan sebagai instrumen ekonomi Islam yang menyokong pembangunan inklusif serta pengukuhan daya tahan komuniti.

Ketua Pegawai Eksekutif YWM, YBrs. Dr. Ridzwan Bakar, menyifatkan anugerah ini sebagai pengiktirafan kepada seluruh gerakan wakaf negara. Menurutnya, Cambridge Excellence Award ini bukan sekadar milik YWM tetapi merupakan pengiktirafan kepada keseluruhan sistem dan institusi wakaf Malaysia termasuk Majlis Agama Islam Negeri, rakan strategik kewangan, sektor korporat serta rakyat Malaysia yang terus menyokong pembangunan wakaf. Ia membuktikan bahawa model Wakaf Malaysia telah mencapai tahap kematangan dan kredibiliti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

YWM telah memperkukuh pengurusan dana wakaf melalui strategi pelaburan patuh Syariah, pembangunan aset berimpak tinggi serta kolaborasi strategik rentas sektor dan antarabangsa. Pendekatan ini memperluas manfaat wakaf kepada masyarakat dan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai rujukan dalam transformasi wakaf moden. YWM berhasrat untuk menjadi “*waqf game changer*” yang memacu evolusi wakaf daripada instrumen tradisional kepada platform pembangunan ekonomi bernilai tinggi dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Melalui Cambridge Excellence Award 2026, Wakaf Malaysia terus diangkat sebagai model unggul dan progresif yang membuktikan keupayaan wakaf memberi manfaat menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat.

-TAMAT-

Yayasan Waqaf Malaysia
10 Februari 2026

Maklumat Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) adalah sebuah entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 dan didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258].

Antara pencapaian terhebat, YWM telah berjaya merangkul Asia Pacific Enterprise Awards (APEA) 2025 bagi kategori Inspirational Brand, Industry Outstanding Award (ASEAN Islamic Financial Services) di Malaysia Industry Award (MINDA) 2025. Selain itu, YWM turut merangkul Naib Johan (Trek Ekonomi) Anugerah Inovasi JPM 2025, Tempat ketiga (Trek Ekonomi) Anugerah Inovasi JPM 2025, Johan Anugerah Inovasi JPM 2024 (Trek Ekonomi) dan tempat ketiga Anugerah Inovasi JPM 2024 (Trek Sosial). Dengan lebih 20 inovasi produk wakaf yang telah dilancarkan bersama rakan-rakan strategik jelas membuktikan jenama wakaf yang dibawa YWM mendapat keyakinan dan berpotensi tinggi untuk dibawa ke peringkat global yang bakal memberi impak demi kesejahteraan manusia sejagat.

Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai YWM dan berwakaf, sila layari www.ywm.gov.my.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan
Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my

Cik Nur Ain binti Mohd Nazri
Eksekutif Media Bahagian Pemasaran dan
Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my